



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BERSAMA MEMELIHARA KESTABILAN NEGARA

Tarikh Dibaca:

21 SYAWAL 1444H/

12 MEI 2023M

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERSAMA MEMELIHARA KESTABILAN NEGARA
12 MEI 2023 / 21 SYAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ

عَآمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ۝۱۰

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Bersama Memelihara Kestabilan Negara**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kestabilan sesebuah negara merupakan salah satu perkara yang terpenting dan mustahak dalam memastikan kesejahteraan dalam segenap aspek meliputi keselamatan, ekonomi, pembangunan, pendidikan, dan lain-lain lagi. Kestabilan negara atau pemerintahan yang stabil merujuk kepada keadaan sesebuah negara yang aman dan tidak bergolak, tiada konflik yang serius, serta tidak berlaku kekacauan seperti mogok, tunjuk perasaan, perang saudara, atau peperangan.

Kita sangat beruntung bahawa memiliki model teladan yang sangat baik dan relevan untuk dituruti. Tidak lain dan tidak bukan teladan dari Rasulullah SAW. Sirah telah membuktikan bahawa Baginda bukan sahaja seorang Rasul, bahkan Baginda juga seorang pemimpin masyarakat, bapa, sahabat, jiran, guru, murid, bahkan juga sebagai ketua negara, ahli politik, panglima perang yang unggul yang tiada tolok bandingnya. Hal ini menunjukkan bahawa ajaran Islam bersifat *syumul* (lengkap menyeluruh) dan tidak mencicirkan walau satu hal dalam urusan kehidupan manusia termasuklah dalam mengurus pentadbiran negara. Buktinya, Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda telah berjaya mendirikan Negara Islam Madinah dengan menggariskan beberapa dasar dan polisi dalam mencapai dan mengukuhkan kestabilan.

Sirah Nabawiyah juga memberikan perspektif tersendiri terhadap kepentingan kestabilan negara. Al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW telah menggariskan suasana aman damai, makmur, selamat, dan seumpama dengannya yang bertindak sebagai asas utama kepada konsep sebuah negara yang stabil. Ia juga merupakan anugerah dan nikmat Ilahi yang sangat besar dan mesti disyukuri serta dipelihara dengan sebaiknya.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mengambil teladan dan kebijaksanaan Rasulullah SAW mentadbir dan menguruskan sebuah negara, kita perlu melihat kepada strategi yang telah dilaksanakan oleh Baginda SAW. Antara strategi tersebut ialah;

Pertama: Menyusun Organisasi Pentadbiran Yang Teratur.

Kepimpinan Negara Islam Madinah diketuai oleh Rasulullah SAW manakala para sahabat utama (*kibar al-sahabah*) mengganggotai sebagai anggota mesyuarat kerajaan. Baginda turut mengambil kira pandangan dari ketua-ketua kabilah dan pandangan-pandangan pihak berkaitan dalam menguruskan sesuatu isu. Baginda mengamalkan konsep *musyawarah* dan tidak membuat keputusan secara sendiri bagi memastikan sesuatu keputusan yang dibuat itu bersifat memelihara seluruh anggota masyarakat. Ahli-ahli yang dilantik menerajui pentadbiran juga dipilih berdasarkan kelayakan dan bukan kerana berkepentingan peribadi.

Kedua: Undang-Undang Yang Mengawal Selia Pentadbiran

Negara Madinah memiliki undang-undang atau perlembagaan yang dikenali sebagai *Sahifah al-Madinah* dan beberapa peraturan kecil lain yang bertujuan mengawal selia pentadbiran dalam bidang-bidang seperti perniagaan, pertanian, ketenteraan dan sebagainya. Semua pihak tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang telah termaktub tanpa mengecualikan status atau pangkat.

Ketiga: Mengukuhkan Sektor Ekonomi

Faktor ekonomi sememangnya mempunyai kesan yang besar terhadap kekuatan sesebuah negara. Hal ini ditunjukkan dengan peningkatan kelengkapan dan persenjataan yang dapat disediakan apabila keadaan ekonomi bertambah baik. Perbandingan dapat dilihat semasa Perang Badar, tentera Islam hanya mempunyai dua ekor kuda berbanding 200 ekor kuda dalam Perang Khandaq. Semasa Fath al-Makkah pula, angkatan tentera Islam memasuki Kota Mekah dalam keadaan lengkap bersenjata.

Keempat: Memajukan Sektor Perniagaan

Seterusnya, Rasulullah SAW memberi galakan kepada masyarakat ketika itu untuk bekerja dan menyebut kebesarannya di sisi Allah SWT. Hal ini turut bertujuan memecahkan monopoli Kaum Yahudi dalam bidang perniagaan ketika itu. Untuk melancarkan perniagaan juga, Rasulullah SAW memerintahkan agar segala hutang-piutang ditulis bagi memelihara hak kedua-dua belah pihak.

Kelima: Menjamin Bekalan Makanan Penduduk

Kecukupan makanan penduduk turut berkait rapat dengan kestabilan. Jika masalah kekurangan bekalan makanan berlarutan tanpa diselesaikan dengan segera, ia berpotensi menggugat kestabilan negara. Menyedari kepentingan ini, Rasulullah SAW memberi motivasi kepada rakyat supaya bekerja dalam sektor ini dengan menyebut ganjaran dan menggambarkan kebesaran amalan ini di sisi Allah SWT. Antara hadis yang menyebut hal ini ialah:

Sabda Nabi SAW: *“Tidaklah seorang muslim menanam suatu tanaman melainkan apa yang dimakan daripadanya ia dikira sedekah, dan apa yang dicuri daripadanya, ia dikira sedekah, dan apa yang dimakan binatang daripadanya, maka ia baginya dikira sedekah, dan apa yang dimakan burung maka ia baginya adalah sedekah, dan tidaklah sesiapa mengambilnya melainkan ia dikira sedekah”.* **(Sahih Muslim)**

Dicatatkan juga bahawa Kerajaan pimpinan Rasulullah SAW ketika itu memperkenalkan sistem *lhya' al-Mawat* yang bermaksud “menghidupkan benda mati” iaitu satu insentif yang memberi pemilikan kepada individu yang membangun tanah terbiar dengan pertanian. Pemberian tanah turut diberikan kepada individu tertentu yang layak untuk bercucuk tanam. Riwayat menyebutkan bahawa Rasulullah SAW pernah memberi tanah kepada Zubair bin al-'Awwam RA dan memberi tanah yang mempunyai mata air kepada Ali bin Abi Talib RA.

Keenam: Merangsang Sektor Pertanian dan Pembuatan

Pertukangan dan pembuatan merupakan bidang yang kurang diceburi oleh masyarakat Arab ketika itu. Kebanyakan hasil pertukangan dihasilkan oleh bangsa lain atau hamba abdi bukan Arab. Bagi mengelakkan kebergantungan terhadap bangsa lain, Rasulullah SAW menggalakkan orang Islam mengeluarkan barangan sendiri. Semasa memberi motivasi dalam pengeluaran senjata, Rasulullah SAW bersabda: *“Sesungguhnya Allah memasukkan tiga orang ke dalam syurga dengan sebatang anak panah, pembuatnya yang mengharapkan kebaikan ketika membuatnya, pemanahnya dan pengutipnya”.* **(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)**

Ketujuh: Melibatkan Seluruh Rakyat Dalam Mendirikan Negara

Usaha Rasulullah SAW mendirikan sebuah negara tidak hanya tertumpu kepada umat Islam yang ada bahkan Baginda turut melibatkan masyarakat bukan Islam untuk sama-sama menjayakannya. Beberapa usaha dibuat oleh Rasulullah SAW seperti membuat perjanjian atau disebut Piagam Madinah (*Sahifah al-Madinah*) yang mana terkandung padanya peranan dan tanggungjawab seluruh masyarakat. Selain itu, masyarakat bukan Islam juga turut disyaratkan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan perang dalam mempertahankan negara.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Inilah sebahagian strategi, dasar dan polisi yang disusun oleh Rasulullah SAW dalam usaha mendirikan sebuah negara yang stabil. Terdapat beberapa lagi strategi Rasulullah SAW seperti mengadakan perjanjian damai dengan kabilah-kabilah yang berjiran, mempamerkan kekuatan ketenteraan kepada musuh, menyediakan padang rumput untuk haiwan ternakan dan lain-lain lagi. Dasar-dasar dan polisi yang disusun ini bertujuan mencapai kestabilan negara yang melibatkan keseluruhan masyarakat. Di samping itu juga kestabilan negara yang hendak dicapai juga berjalan seiringan dengan rahmat, keberkatan dan keampunan dari Allah SWT. Maka, kita wajar melihat dan mengambil contoh kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagai panduan dalam mengurus tadbir negara menjadi stabil dan berdaya saing secara holistik. Kita juga dapat mengambil pengajaran bahawa usaha mencapai kestabilan negara tidak hanya bergantung kepada peranan pemimpin negara, malah seluruh rakyat memiliki tanggungjawabnya yang signifikan dan menjadi kunci keberhasilan kepada dasar-dasar dan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan;

Pertama: Kestabilan negara atau pemerintahan yang stabil merujuk kepada keadaan sesebuah negara yang aman dan tidak bergolak, tiada konflik yang serius, serta tidak berlaku kekacauan seperti mogok tunjuk perasaan atau perang saudara, atau peperangan.

Kedua: Catatan sirah telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah menunjukkan kepimpinan yang unggul dalam segenap aspek. Keunggulan inilah yang patut menjadi model dan panduan kepada kita hari ini dalam menata kelola urusan kehidupan termasuklah dalam urusan pentadbiran negara.

Ketiga: Kita juga dapat mengambil pengajaran bahawa usaha mencapai kestabilan negara tidak hanya bergantung kepada peranan pemimpin negara, malah seluruh rakyat memiliki tanggungjawabnya yang signifikan dan menjadi kunci keberhasilan kepada dasar-dasar dan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ
بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ۝

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba’, satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!” **(Surah Saba ayat 15)**

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.